

**PEMBINAAN DAN PENGESAHAN UJIAN MEMBACA
PERKATAAN DAN UJIAN MENGEJA UNTUK TUJUAN
MENGENAL PASTI DISLEKSIA: SATU KAJIAN RINTIS**

***(DEVELOPMENT AND VALIDATION OF WORD RECOGNITION
AND SPELLING TEST FOR THE PURPOSE OF
DYSLEXIA ASSESSMENT: A PILOT STUDY)***

Lee Lay Wah

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia
E-mel: lwah@usm.my

Manisah Mohd Ali dan Norani Salleh

Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
E-mel: manisah@ukm.my, noraini@ukm.my

Abstrak: Masalah paling utama yang dihadapi oleh seseorang murid disleksia adalah dalam menguasai kemahiran membaca dan mengeja. Tujuan kajian rintis ini adalah untuk membina dan menentukan ciri-ciri psikometri kebolehppercayaan dan kesahan ujian membaca perkataan dan ujian mengeja. Kedua-dua ujian tersebut akan digunakan untuk mengenal pasti masalah disleksia. Metodologi kajian melibatkan proses pembinaan ujian, proses pemurnian item ujian serta proses penyiasatan kebolehppercayaan serta kesahan ujian. Sampel kajian terdiri daripada 46 orang murid tahun satu. Hasil kajian menunjukkan bahawa pekali kebolehppercayaan untuk kedua-dua ujian adalah tinggi, iaitu 0.980 untuk ujian membaca perkataan tunggal dan 0.968 untuk ujian mengeja perkataan tunggal. Bukti kesahan isi kandungan telah didapati daripada penyemakan oleh panel pakar. Bukti kesahan serentak telah diperolehi dengan korelasi yang tinggi antara kedua-dua ujian dengan ujian Bahasa Malaysia (BM) sekolah yang telah digunakan sebagai kriteria. Implikasi hasil kajian ini adalah kedua-dua ujian boleh digunakan untuk mengenal pasti masalah membaca murid-murid disleksia sebab kedua-dua ujian ini memenuhi kriteria ciri psikometri kebolehppercayaan dan kesahan.

Kata kunci: disleksia dalam bahasa Malaysia, ujian membaca perkataan untuk disleksia, ujian mengeja untuk disleksia

Abstract: The first step in assessing dyslexia is to establish that problems exist in reading and spelling. The purpose of this study is to develop and validate a word reading and a word spelling test to determine their psychometric qualities of reliability and validity. Both test will be used in assessing dyslexia. The research methodology involves the development and the revision of the tests and the investigation of reliability and validity. Forty-six year one students were tested. The results revealed high reliability coefficients for the two tests, 0.980 for the reading test and 0.968 for the spelling test. Content validity was established through expert judgement. Both the tests were also found to be significantly correlated to the school-based Malay Language tests which were used as

criteria indicating concurrent validity. The results imply that these two tests are reliable and valid to be used to establish reading problems among students with dyslexia because both these tests fulfill the psychometric criteria of reliability and validity.

Keywords: dyslexia in Malay, word recognition test for dyslexia, spelling test for dyslexia

PENGENALAN

Dalam bidang pendidikan khas, perkara pertama yang biasanya dilaksanakan apabila seseorang murid disyaki mempunyai sesuatu ketidakupayaan atau masalah adalah untuk menjalankan penilaian bagi mengenal pasti ketidakupayaan atau masalah tersebut (Pierangelo & Giuliani, 1998). Mengikut Rumrill dan Cook (2001), proses mengenal pasti murid-murid pendidikan khas seharusnya menggunakan ujian yang memenuhi kriteria psikometri kebolehppercayaan dan kesahan sebelum digunakan untuk mengenal pasti murid-murid berkeperluan khas. Justeru itu, perkara pertama yang seharusnya dilakukan untuk menangani masalah disleksia di Malaysia adalah dengan membina dan mengesahkan ujian-ujian yang relevan bagi mengenal pasti murid-murid disleksia dalam Bahasa Malaysia (BM).

MASALAH MEMBACA DISLEKSIA

Secara umumnya, kanak-kanak disleksia merujuk kepada kanak-kanak yang mempunyai masalah membaca yang tidak boleh diterangkan oleh faktor-faktor kecerdasan intelek yang rendah, ketidakupayaan deria, masalah emosi, kekurangan peluang pendidikan ataupun kekurangan dalam latar belakang sosioekonomi (Snowling, 2000; Lee, 2004; Lee, 2008).

Kementerian Pendidikan Malaysia mencirikan murid-murid disleksia sebagai murid yang mempunyai kecerdasan mental yang searas atau melebihi murid-murid biasa tetapi menghadapi kesukaran yang tinggi dalam menguasai kemahiran mengeja, membaca dan menulis (Haniz, 2003). *The British Psychological Society* (BPS) mendefinisikan disleksia sebagai masalah dalam membaca dan/atau mengeja dengan tepat dan lancar (BPS, 1999). Definisi ini menunjukkan bahawa kriteria yang paling utama untuk mengenal pasti disleksia adalah kriteria masalah dalam membaca dan/atau mengeja.

Mengikut kajian oleh Lee (2004, 2006), murid-murid disleksia yang membaca dalam BM memang mempunyai kesukaran yang tinggi untuk membaca dan mengeja perkataan. Sebagai contoh, terdapat murid disleksia yang keliru dengan

bentuk perkataan dan membaca "dia" sebagai "dan" (Lee, 2004). Murid disleksia juga didapati akan selalu salah mengeja perkataan (Lee, 2004; 2005). Oleh sebab itu, salah satu perkara pertama yang perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti disleksia dalam BM adalah dengan membina dan menentukan kesahan ujian untuk mengenal pasti masalah membaca dan mengeja.

Mengikut Yahya (2003), membaca adalah aktiviti yang penting dalam kehidupan manusia dan kemahiran ini merupakan asas pembentukan diri ke arah mendapatkan ilmu pengetahuan. Proses membaca yang kompleks ini bergantung kepada komponen membaca perkataan tunggal dan komponen pemahaman (Catts, Adlof & Weismer, 2006). Mengikut Pressley (2002), masalah paling utama yang dihadapi oleh seseorang yang sedang mula membaca adalah masalah dalam komponen membaca perkataan secara tunggal. Kemahiran mengeja perkataan berkait rapat dengan kemahiran membaca perkataan. Hasil kajian yang lepas telah menunjukkan bahawa proses kognitif yang mendasari kedua-dua kemahiran membaca perkataan dan kemahiran mengeja adalah hampir sama (Fitzgerald & Stanahan, 2000). Oleh sebab perkaitan yang rapat antara kemahiran membaca perkataan tunggal dan kemahiran mengeja, maka adalah tidak hairan bahawa murid-murid disleksia menunjukkan masalah dalam kedua-dua kemahiran ini.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Petunjuk utama untuk mengenal pasti disleksia adalah kelemahan dalam bidang membaca dan/atau mengeja (BPS, 1999). Oleh sebab itu, kriteria yang paling kritikal dalam proses pengenalpastian disleksia adalah untuk menunjukkan bukti bahawa murid tersebut mempunyai masalah dalam bidang membaca dan mengeja. Ini dibuat dengan membandingkan pencapaian murid-murid tersebut dengan pencapaian murid-murid lain yang sebaya. Perbandingan yang jitu memerlukan bahawa ujian yang digunakan memenuhi ciri psikometri kebolehpercayaan serta kesahan. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan untuk membina dan menentukan kebolehpercayaan serta kesahan ujian untuk mengukur kemahiran membaca serta kemahiran mengeja. Kemahiran membaca biasanya diuji dengan menggunakan tugas membaca senarai perkataan tunggal yang telah disusun mengikut hierarki kesukaran. Selain daripada kesulitan dalam membaca perkataan tunggal, murid-murid disleksia juga menunjukkan kesukaran dalam mengeja perkataan. Kemahiran mengeja biasanya diukur dengan menggunakan tugas mengeja perkataan-perkataan tunggal yang terdiri daripada pelbagai tahap kesukaran. Pembinaan item-item untuk ujian membaca perkataan serta ujian mengeja dalam kajian ini akan merujuk kepada sistem fonologi serta sistem morfologi BM.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian rintis ini adalah untuk membina ujian membaca perkataan serta ujian mengeja dan seterusnya menentukan sifat psikometri ujian-ujian tersebut. Persoalan kajian adalah:

1. Sejauh manakah ujian-ujian yang dibina untuk mengenal pasti masalah membaca disleksia mempunyai sifat psikometri kebolehpercayaan?
2. Sejauh manakah ujian-ujian yang dibina untuk mengenal pasti masalah membaca disleksia mempunyai sifat psikometri kesahan isi kandungan?
3. Sejauh manakah ujian-ujian yang dibina untuk mengenal pasti masalah membaca disleksia mempunyai sifat psikometri kesahan serentak?

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian merangkumi proses pembinaan item-item untuk kedua-dua ujian serta proses pemurnian kedua-dua ujian secara analisis item. Seterusnya, bukti kebolehpercayaan ujian telah disiasat dengan menggunakan kaedah ketekalan dalaman Alfa Cronbach. Kebolehpercayaan merujuk kepada setakat mana sesuatu ujian itu mengukur secara konsistennya perkara yang ujian tersebut seharusnya mengukur (Gay, Mills & Airasian, 2006). Bukti kesahan ujian juga telah disiasat secara kesahan isi kandungan serta kesahan serentak. Kesahan isi kandungan melibatkan penyiasatan secara sistematik isi kandungan ujian untuk menentukan bahawa isi kandungan ujian tersebut merangkumi perwakilan tingkah laku dalam domain yang hendak diukur (Gay, Mills & Airasian, 2006). Dalam kajian ini, panel pakar telah dirujuk untuk mendapatkan bukti kesahan isi kandungan. Kesahan serentak merujuk kepada setakat mana pencapaian ujian dikaitkan dengan pencapaian kriteria yang diukur pada masa yang sama (Gay, Mills & Airasian, 2006). Dalam kajian ini, bukti kesahan serentak untuk ujian membaca perkataan telah disiasat secara korelasi Pearson dengan ujian pencapaian BM pertengahan tahun di sekolah-sekolah sebagai ujian kriteria. Bukti kesahan serentak untuk ujian mengeja juga telah disiasat secara korelasi Pearson dengan ujian pencapaian BM pertengahan tahun di sekolah-sekolah sebagai ujian kriteria.

Sampel Kajian

Sampel kajian dipilih daripada dua buah sekolah rendah di daerah timur laut Pulau Pinang. Kedua-dua sekolah tersebut mempunyai majoriti murid bangsa Melayu. Ini bermaksud bahawa kebanyakan murid di sekolah tersebut

menggunakan BM sebagai bahasa ibunda. Arahan yang telah diberikan kepada guru adalah untuk memilih sekumpulan murid daripada pelbagai tahap penguasaan BM. Murid-murid tersebut telah dipilih secara rawak oleh guru BM mereka. Hasil pemilihan adalah 46 orang murid tahun satu yang mempunyai skor ujian BM di sekolah yang berselerak antara julat 10% sehingga 98%. Sampel murid terdiri daripada majoriti murid bangsa Melayu dan bilangan murid lelaki serta bilangan murid perempuan dalam sampel kajian adalah hampir sama.

Pembinaan Ujian

1. Ujian membaca perkataan

Item-item untuk ujian membaca perkataan tunggal telah dipilih daripada Senarai Perbendaharaan Kata Bacaan Asas serta Senarai Perbendaharaan Kata Bacaan Luas, Huraian Sukatan Pelajaran KBSR Bahasa Melayu SK/SRK Tahun 1 (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1995). Semua perkataan yang ada dalam Senarai Perbendaharaan Kata Tahun 1 ini telah dianalisis berdasarkan sistem fonologi serta sistem morfologi bahasa Melayu (Awang, 2004; Nik Safiah et al., 2004). Tujuan analisis struktur fonologi serta morfologi perkataan-perkataan dalam Senarai Perbendaharaan Kata Tahun 1 adalah untuk memastikan bahawa item-item yang dipilih untuk ujian ini merangkumi perkataan-perkataan daripada pelbagai jenis struktur fonologi dan morfologi. Prosedur analisis ini dapat memastikan bahawa item-item ujian mewakili keseluruhan bidang isi kandungan yang hendak diuji. Ini dapat meningkatkan lagi kesahan isi kandungan sesuatu ujian.

Sebanyak 120 item perkataan dasar telah dipilih daripada Senarai Perbendaharaan Kata Tahun 1 untuk ujian ini. Item-item ini terdiri daripada perkataan dengan satu sehingga empat bilangan suku kata. Selain daripada perkataan tunggal, sebanyak 16 patah perkataan terbitan daripada Senarai Perbendaharaan Kata Tahun 1 juga telah dipilih untuk ujian membaca perkataan tunggal. Item-item ini terdiri daripada perkataan terbitan dengan imbuhan awalan, akhiran dan apitan. Secara keseluruhannya, sebanyak 136 item telah dipilih untuk ujian ini. Item-item ini telah disusun daripada yang ringkas kepada yang kompleks.

2. Ujian mengeja perkataan

Item-item untuk ujian mengeja perkataan juga telah dipilih daripada Senarai Perbendaharaan Kata Bacaan Asas serta Senarai Perbendaharaan Kata Bacaan Luas, Huraian Sukatan Pelajaran KBSR Bahasa Melayu SK/SRK Tahun 1 (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1995). Item-item ujian ini juga telah dipilih berdasarkan struktur fonologi serta struktur morfologi perkataan tersebut (Awang 2004; Nik Safiah et al., 2004). Sebanyak 23 patah perkataan dasar telah dipilih sebagai item untuk ujian mengeja perkataan. Item-item perkataan dasar untuk

ujian mengeja perkataan tunggal mengandungi antara satu sehingga empat bilangan suku kata. Selain daripada perkataan dasar, sebanyak lima patah perkataan terbitan daripada Senarai Perbendaharaan Kata Tahun 1 juga telah dipilih untuk ujian mengeja perkataan tunggal. Secara keseluruhannya, ujian ini mengandungi 28 item.

Prosedur Kajian

Kedua-dua ujian telah dijalankan oleh penyelidik utama kajian ini. Ujian-ujian tersebut telah dijalankan secara perseorangan. Masa ujian adalah dalam lingkungan antara 15 hingga 25 minit, bergantung kepada tahap keupayaan murid tersebut. Murid-murid telah diminta untuk membaca kesemua perkataan dalam ujian membaca tanpa bimbingan daripada penyelidik. Setiap perkataan yang disebut dengan betul telah diberikan satu markah. Jumlah bilangan perkataan yang disebut atau dibaca dengan betul adalah skor ujian ini. Murid dikehendaki mengeja setiap perkataan dalam ujian mengeja dengan menuliskan perkataan tersebut di atas sehelai kertas yang diberikan oleh penyelidik. Setiap perkataan yang dieja dengan betul diberikan satu markah. Jumlah perkataan yang dieja dengan betul adalah skor ujian ini.

Pemurnian Item Ujian

Analisis kuantitatif item telah dilaksanakan untuk mendapatkan pengukuran indeks kesukaran item, p dan indeks diskriminasi item, D (Anastasi & Urbina, 1997). Kesukaran item didefinisikan sebagai peratus orang yang menjawab item tersebut dengan betul (Anastasi & Urbina, 1997). Diskriminasi item merujuk kepada keberkesanan sesuatu item untuk mendiskriminasikan antara murid berskor tinggi dengan murid berskor rendah dalam sesuatu ujian (Aiken & Groth-Marnat, 2006). Mengikut Anastasi dan Urbina (1997), item-item yang paling baik adalah item-item yang mempunyai indeks kesukaran dalam julat pertengahan. Item-item yang mempunyai indeks kesukaran antara 0.15 sehingga 0.85 biasanya dianggap baik untuk dimuatkan dalam sesuatu ujian. Item-item yang mempunyai nilai indeks diskriminasi 0.30 dan ke atas dianggap boleh diterima untuk dimuatkan dalam sesuatu ujian (Aiken & Groth-Marnat, 2006).

Jadual 1 menunjukkan bilangan item yang mempunyai nilai indeks kesukaran antara 0.15 sehingga 0.85 serta mempunyai nilai indeks diskriminasi 0.3 dan ke atas. Item-item ini dianggap paling baik sebab mempunyai kedua-dua indeks kesukaran serta indeks diskriminasi yang baik. Daripada kumpulan item ini, item-item telah dipilih untuk dimuatkan dalam ujian. Item-item lain yang tidak berfungsi itu telah dibuang daripada ujian.

Jadual 1. Item yang baik berdasarkan keputusan analisis item.

Ujian	Bilangan Item $0.15 \leq p \leq 0.85$ dan $D \geq 0.3$
Membaca perkataan	81
Mengeja perkataan	25

Berdasarkan analisis kuantitatif item ujian membaca perkataan, terdapat 81 item yang mempunyai nilai indeks kesukaran serta nilai indeks diskriminasi yang baik. Untuk memendekkan lagi ujian ini, analisis secara kualitatif telah dilaksanakan. Daripada 46 sampel kajian rintis, terdapat enam orang murid yang menunjukkan kesilapan yang tinggi dalam menyebut perkataan tunggal. Ralat yang ditunjukkan oleh enam orang murid ini telah dianalisis dan digunakan juga sebagai salah satu daripada kriteria untuk membuat keputusan mengenai item-item yang seharusnya dipilih. Hasil daripada keputusan analisis item secara kuantitatif dan kualitatif ini, 50 item telah dipilih untuk ujian membaca perkataan. Berdasarkan analisis kuantitatif item ujian mengeja perkataan, terdapat 25 item yang mempunyai nilai indeks kesukaran serta nilai indeks diskriminasi yang baik. Kesemua 25 item ini telah dipilih untuk ujian mengeja perkataan.

Bilangan item untuk kedua-dua ujian telah dikurangkan selepas pemurnian. Bilangan item asal dan bilangan item selepas pemurnian untuk kedua-dua ujian dirumuskan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Rumusan bilangan item yang terpilih.

Ujian	Bilangan item sebelum analisis item	Bilangan item selepas analisis item
Membaca perkataan	136	50
Mengeja perkataan	28	25

Hasil Kajian

Bukti kebolehpercayaan ujian, bukti kesahan isi kandungan serta bukti kesahan serentak ujian telah didapati dan diterangkan di bawah.

1. Kebolehpercayaan ujian

Setelah pemurnian ujian, kebolehpercayaan ujian telah dikirakan dengan menggunakan kaedah ketekalan dalaman Alfa Cronbach. Nilai min, sisihan piawai serta kebolehpercayaan ujian selepas pemurnian ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Statistik deskriptif dan kebolehppercayaan ujian.

Ujian	Min	Sisihan Piawai	Pekali Kebolehppercayaan
Membaca perkataan tunggal	35.261	15.984	0.980
Mengeja perkataan tunggal	14.435	9.025	0.968

Untuk tujuan penyelidikan, nilai kebolehppercayaan yang diterima adalah sekurang-kurangnya 0.70 dan ke atas (Fraenkel & Wallen, 2006). Didapati bahawa pekali kebolehppercayaan untuk ujian membaca perkataan adalah 0.980 dan pekali kebolehppercayaan untuk ujian mengeja perkataan tunggal adalah 0.968. Ini bermaksud bahawa ujian membaca perkataan mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi untuk mengukur kemahiran membaca perkataan, dan ujian mengeja perkataan mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi untuk mengukur kemahiran mengeja.

2. Kesahan isi kandungan ujian

Dalam kajian ini, panel pakar telah dirujuk untuk mendapatkan bukti kesahan isi kandungan. Panel pakar yang dirujuk untuk menyemak isi kandungan kedua-dua ujian terdiri daripada pensyarah maktab perguruan dengan kepakaran dalam bidang BM sekolah rendah. Pensyarah tersebut mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman mengajar di maktab-maktab perguruan dalam bidang pengajian bahasa Malaysia, bidang ilmu pendidikan serta bidang pendidikan prasekolah. Dua orang guru sekolah rendah yang mempunyai lebih daripada 20 tahun pengalaman mengajar BM tahun satu iaitu guru A dan guru B dari dua buah sekolah rendah di Pulau Pinang juga telah dirujuk sebagai pakar. Buku ujian telah disediakan untuk disemak oleh panel pakar. Panel pakar telah diminta untuk menentukan kesesuaian item-item yang dipilih untuk murid tahun satu dengan menandakan sama ada item tersebut itu sesuai ataupun tidak dalam ruangan yang disediakan. Kesemua panel pakar telah menandakan bahawa item-item yang dipilih itu memang sesuai dan memadai untuk menguji tahap penguasaan kemahiran membaca serta tahap penguasaan kemahiran mengeja murid tahun satu. Mereka juga telah menyuarakan pendapat mereka mengenai item-item sukar yang mungkin hanya boleh dijawab oleh murid yang berprestasi tinggi sahaja. Walaupun item-item tersebut dianggap sukar oleh panel pakar untuk murid yang lemah, item-item tersebut masih dikekalkan dalam ujian untuk tujuan mendiskriminasikan antara murid yang berprestasi tinggi dengan murid yang lemah. Hasil daripada penyemakan oleh panel pakar, item-item kedua-dua ujian membaca perkataan serta ujian mengeja telah dikekalkan seperti yang asal. Penambahbaikan juga telah dicadangkan untuk format ujian iaitu untuk membesarkan saiz huruf perkataan supaya bersesuaian dengan murid-murid tahun satu.

3. Kesahan serentak ujian

Ujian BM di kedua-dua sekolah yang dipilih telah digunakan sebagai kriteria untuk menyiasat kesahan serentak ujian membaca perkataan dan ujian mengeja. Terdapat dua jenis ujian BM di sekolah iaitu ujian BM (Kefahaman) dan ujian BM (Penulisan). Kedua-dua ujian BM di sekolah-sekolah tersebut merupakan ujian rasmi yang telah digunakan dalam peperiksaan pertengahan tahun di sekolah-sekolah. Ujian-ujian ini telah disediakan oleh guru-guru BM tahun satu yang berpengalaman dan telah disemak oleh jawatankuasa BM di sekolah-sekolah tersebut. Pekali korelasi antara kedua-dua ujian yang dibina oleh penyelidik utama dengan ujian BM (Kefahaman) sekolah-sekolah ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4. Pekali korelasi ujian dengan ujian BM (Kefahaman).

Ujian	Pekali Korelasi
Membaca perkataan tunggal	0.860**
Mengeja perkataan tunggal	0.776**

**p < 0.01

Nilai signifikasi pada tahap $p < 0.01$ dipilih. Didapati bahawa kedua-dua ujian mempunyai korelasi positif yang signifikan dan kuat dengan ujian BM (Kefahaman). Nilai pekali korelasi antara ujian membaca perkataan dan ujian kriteria BM (Kefahaman) adalah $r = 0.860$. Nilai pekali korelasi antara ujian mengeja dan ujian kriteria BM (Kefahaman) adalah $r = 0.776$. Ini menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang rapat antara ujian yang dibina oleh penyelidik dengan ujian BM (Kefahaman) di sekolah.

Pekali korelasi antara kedua-dua ujian yang dibina oleh penyelidik utama dengan ujian BM (Penulisan) sekolah-sekolah ditunjukkan dalam Jadual 5.

Terdapat juga korelasi positif yang signifikan antara kedua-dua ujian dengan ujian kriteria BM (Penulisan) pada tahap $p < 0.01$. Nilai pekali korelasi antara ujian membaca perkataan dan ujian kriteria BM (Penulisan) adalah $r = 0.749$. Nilai pekali korelasi antara ujian mengeja dan ujian kriteria BM (Penulisan) adalah $r = 0.695$.

Jadual 5. Pekali korelasi ujian dengan ujian BM (Penulisan).

Ujian	Pekali Korelasi
Membaca perkataan	0.749**
Mengeja perkataan	0.695**

** p < 0.01

Keputusan nilai korelasi yang didapati dalam Jadual 4 dan Jadual 5 menyediakan bukti bahawa ujian membaca perkataan yang dibina ini mengukur kemahiran pencapaian BM yang setara dengan kemahiran-kemahiran yang diukur oleh kedua-dua ujian BM di sekolah-sekolah tersebut. Keputusan nilai korelasi yang didapati dalam Jadual 4 dan 5 juga menyediakan bukti bahawa ujian mengeja perkataan yang dibina ini mengukur kemahiran pencapaian BM yang setara dengan kemahiran-kemahiran yang diukur oleh kedua-dua ujian BM di sekolah-sekolah sampel.

PERBINCANGAN

Berdasarkan keputusan empirikal di atas, terdapat bukti bahawa kedua-dua ujian yang telah dibina dan dimurnikan ini memenuhi kriteria psikometri kebolehpercayaan dan kesahan. Nilai kebolehpercayaan yang tinggi untuk kedua-dua ujian membaca perkataan dan ujian mengeja menunjukkan bahawa kedua-dua ujian ini dapat mengukur secara konsisten kemahiran-kemahiran yang seharusnya diukur oleh ujian-ujian tersebut. Bukti kesahan awal untuk kedua-dua ujian juga telah didapati.

Kesahan isi kandungan telah disahkan dengan penghakiman yang telah dibuat oleh panel pakar. Panel pakar BM telah mengesahkan bahawa kedua-dua ujian memang sesuai dan memadai untuk digunakan bagi menguji kemahiran membaca perkataan dan kemahiran mengeja BM murid-murid tahun satu. Kedua-dua ujian yang telah dibina juga menunjukkan korelasi yang tinggi dengan ujian pencapaian BM di sekolah. Ini menyediakan bukti kesahan serentak bahawa kedua-dua ujian tersebut sah digunakan untuk mengukur kemahiran pencapaian dalam BM.

Selain daripada dapatan kebolehpercayaan dan kesahan, hasil kajian ini juga mendapati bahawa terdapat korelasi yang positif, tinggi dan signifikan antara ujian membaca perkataan dengan ujian mengeja pada tahap $p < 0.01$. Nilai pekali korelasi Pearson antara kedua-dua ujian adalah $r = 0.843$. Nilai korelasi yang tinggi antara ujian membaca perkataan dan ujian mengeja perkataan menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang rapat antara kemahiran membaca perkataan dengan kemahiran mengeja dalam BM. Keputusan ini menyokong hasil kajian yang didapati untuk Bahasa Inggeris (Fitzgerald & Stanahan, 2000). Ini bermaksud bahawa seseorang yang mempunyai masalah dalam kemahiran membaca perkataan juga akan mengalami masalah dalam kemahiran mengeja. Hal ini adalah seperti yang dinyatakan dalam definisi disleksia dari luar negara (BPS, 1999) dan juga definisi disleksia dalam negara (Haniz, 2003).

Kesimpulannya, terdapat bukti empirikal bahawa kedua-dua ujian yang telah dibina ini mempunyai ciri psikometri kebolehpercayaan dan kesahan untuk digunakan bagi mengenal pasti masalah membaca perkataan dan masalah mengeja dalam kalangan murid tahun satu. Kedua-dua ujian ini sekarang boleh digunakan untuk mengenal pasti masalah utama yang dihadapi oleh murid-murid disleksia, iaitu masalah dalam kemahiran membaca dan kemahiran mengeja (BPS, 1999).

RUJUKAN

- Aiken, L. R. dan Groth-Marnat, G. (2006). *Psychological testing and assessment* (12th ed.). Boston, MA: Pearson Education Group, Inc.
- Anastasi, A. dan Urbina, S. (1997). *Psychological testing* (7th ed.). New Jersey: Prentice-Hall.
- Awang Sariyan. (2004). *Teras pendidikan bahasa Melayu: Asas pegangan guru*. Bentong, Pahang: PTS Publications Sdn. Bhd.
- British Psychological Society (BPS). (1999). *Dyslexia, literacy and psychological assessment: Report by a Working Party of the Division of Educational and Child Psychology*. Leicester: BPS.
- Catts, H. W., Adlof, S. M. dan Weismer, S. E. (2006). Language deficits in poor comprehenders: A case for the simple view of reading. *Journal of Speech, Language and Hearing Research*, 48, 278–293.
- Fitzgerald, J. dan Stanahan, T. (2000). Reading and writing relations and their development. *Educational Psychologists*, 35, 39–50.
- Fraenkel, J. R. dan Wallen, N. E. (2006). *How to design and evaluate research in education* (6th ed.). New York: McGraw-Hill.
- Gay, L. R., Mills, G. E. dan Airasian, P. (2006). *Educational Research* (8th ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Haniz Ibrahim. (2003). *Program bermasalah pembelajaran spesifik disleksia Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kertas kerja Seminar Pendidikan Khas Kebangsaan ke-3. Kuala Lumpur, 29 September – 2 Oktober.
- Lee Lay Wah. (2004). *Understanding dyslexia in Malaysia from the parents' perspective*. Proceedings of the Hawaii International Conference on Education 2004, 3709–3722. University of Hawaii, West Oahu, 3–6 January.
- _____. (2005). Simtom disleksia: Kesedaran ibubapa. *Diges Pendidik*, 5(1): 66–70.

- _____. (2006). *Cognitive profiles of reading disabilities: Three distinct cases*. Proceedings of the United Kingdom Malaysian Research Group-International Conference 2006, 148–152. University of Salford, UK, 19–21 June.
- _____. (2008). *Masalah disleksia di peringkat prasekolah*. Prosiding Seminar Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Pendidikan Khas 2008, hlm 92–95. Hotel Cititel, Pulau Pinang, 25–27 April.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa dan Abdul Hamid Mahmood. (2004). *Tatabahasa dewan*. (ed. baharu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pierangelo, R. dan Giuliani, G. (1998). *Special educator's complete guide to 109 diagnostic tests*. New York: The Center for Applied Research in Education.
- Pressley, M. (2002). *Reading instruction that works: The case for balanced teaching*. (ed. ke-2). New York: The Guilford Press.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1995). *Huraian Sukatan Pelajaran KBSR Bahasa Melayu SK/SRK Tahun 1*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rumrill, P. D. dan Cook, B. G. (2001). *Research in special education: Design, methods and applications*. Springfield, IL: Charles C. Thomas.
- Snowling, M. J. (2000). *Dyslexia* (2nd ed.). Oxford, UK: Blackwell.
- Yahya Othman. (2003). *Mengajar membaca: Teori dan aplikasi*. Bentong, Pahang: PTS Publications Sdn. Bhd.